



# KENYATAAN MEDIA

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

## PENETAPAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MENGAMBIL KIRA KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

**PUTRAJAYA, 27 DISEMBER 2024** – Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pada 20 Disember 2024, Kerajaan menekankan sekali lagi bahawa PETRA bersama-sama dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) masih lagi dalam proses memuktamadkan jadual tarif elektrik baharu yang dijangka untuk dilaksanakan bermula pada Julai 2025.

Oleh yang demikian, ingin ditegaskan bahawa PETRA tidak dirujuk serta dimaklumkan oleh TNB terkait pengumuman mengenai kenaikan tarif elektrik di Semenanjung tempoh hari. Untuk makluman, tiada sebarang keputusan kenaikan tarif elektrik di Semenanjung yang telah dibuat sehingga kini. Seperti ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri, sebarang kenaikan yang boleh membebangkan rakyat adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Berkait dengan perkara tersebut, ingin dijelaskan bahawa semakan terhadap tarif asas elektrik dilaksana disebabkan terdapatnya keperluan untuk meneliti semula harga bahan api, terutamanya arang batu dan gas. Dalam tempoh kawal selia ketiga (*Regulatory Period 3 – RP3*) (2022 – 2024), unjuran harga arang batu ditetapkan pada kadar 79 USD/matrik tan dan harga gas ditetapkan melalui harga dua peringkat (*two tier pricing*) menggunakan formula *Reference Market Price* (RMP). Peringkat pertama

bagi isi padu gas sehingga 800 juta kaki padu sehari (mmscfd), harga lantai ditetapkan pada kadar RM24/MMBtu dan harga siling jualan gas ditetapkan pada kadar RM30/MMBtu. Manakala, harga purata bagi penggunaan gas melebihi 800 mm scfd diunjurkan pada kadar RM33/MMBtu.

Namun, pasca COVID-19 dan krisis tenaga global, harga bahan api telah meningkat secara mendadak yang mana harga arang batu bagi tempoh kawal selia keempat (RP4) (2025 – 2027) diunjurkan pada kadar 97 USD/matrik tan dan penggunaan gas bulanan sehingga 800 juta kaki padu sehari (mmscfd) akan dikenakan harga lantai RM24/MMBtu dan harga siling RM35/MMBtu. Manakala, harga purata bagi penggunaan gas melebihi 800 mm scfd diunjurkan pada kadar RM46/MMBtu.

Bagi pengguna kategori domestik dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Kerajaan terus komited untuk melindungi mereka supaya tarif elektrik yang dikenakan adalah kompetitif dan mampu dibayar. Selain itu, pemberian subsidi elektrik secara bersasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan diteruskan. Ini akan memastikan 85% pengguna domestik dengan penggunaan elektrik bulanan 1,500 kWj dan ke bawah tidak akan terkesan.

Pengguna kategori komersial dan industri yang menggunakan elektrik yang banyak serta mencatatkan keuntungan yang tinggi perlu membayar kos elektrik mereka pada kadar yang sebenar. Namun, pengguna kategori ini mempunyai alternatif di mana Kerajaan menggalakkan mereka memasang solar dan bateri penyimpanan tenaga di premis masing-masing serta mempraktikkan inisiatif kecekapan tenaga seperti melaksanakan audit tenaga secara kolaborasi dengan Syarikat Perkhidmatan Tenaga – *Energy Service Company* (ESCO) dan melaksanakan program inisiatif kecekapan

tenaga bagi mengenal pasti potensi penjimatan tenaga elektrik di pepasangan dan premis mereka.

Kerajaan memberi jaminan bahawa penetapan tarif elektrik di Semenanjung akan mengambil kira semua aspek termasuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, sebarang pengumuman berhubung penetapan tarif elektrik di Semenanjung akan dikeluarkan oleh Kerajaan.

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF**

Timbalan Perdana Menteri merangkap  
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)